

25 NOV 1999

Manifesto-Kelantan

BN JANJI ANGKAT MARTABAT KELANTAN JIKA MEMERINTAH

KOTA BAHARU, 25 Nov (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Kelantan hari ini melancarkan manifesto pilihan rayanya yang menjanjikan usaha untuk mengangkat martabat Kelantan dan rakyatnya jika BN memerintah negeri ini.

Manifesto yang bertema "Insan Cemerlang, Kelantan Gemilang" itu menggariskan 15 program yang membabitkan pembangunan berimbang termasuk sosial, ekonomi serta keagamaan.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah berkata manifesto itu bertujuan untuk mengubah nasib rakyat dan negeri Kelantan setelah negeri itu dalam tempoh selama 28 tahun di bawah pemerintahan PAS (1959-1978 dan 1990-1999) terus dilanda pelbagai masalah hingga tertinggal jauh berbanding kemajuan negeri lain.

"Program kami disusun dari bayi sehinggalah (orang) tua" katanya ketika melancarkan manifesto itu di Bangunan Umno di sini.

Menurutnya manifesto itu yang telah dipersetujui oleh BN pusat akan menjana pertumbuhan ekonomi Kelantan melalui pembinaan pembangunan penting seperti pembinaan terminal lapangan terbang baru, pelabuhan, universiti dan jalan raya semata-mata untuk kemudahan rakyat.

Manifesto BN itu adalah tambahan kepada manifesto BN pusat yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

"Manifesto kita turut menggariskan banyak langkah yang boleh meringankan bebanan rakyat. Ini termasuk menyelesaikan segera masalah penerokaan tanah haram, menurunkan cukai hasil tanah pertanian dan bayaran berkaitan pemilikan tanah," kata Tengku Razaleigh.

Menurutnya kesemua janji dalam manifesto itu akan dilaksanakan seperti yang dibuktikan apabila BN menghapuskan tol Jambatan Sultan Yahya Petra sebaik sahaja menang di Kelantan pada pilihan raya 1978.

"Insya-Allah, kali ini kami akan mengulangi rekod kami dalam menunaikan janji," katanya.

Tengku Razaleigh juga menyelar pemimpin PAS Kelantan yang mendakwa cuba menegakkan Islam tetapi akhirnya perjuangan itu "hancur berkecai" seperti yang tergambar dalam manifesto pembangkang itu.

"Perjuangan PAS sebenarnya bukanlah untuk menegakkan negara Islam dan kepimpinan ulama. Perjuangan mereka hanyalah sekadar mengalahkan UMNO dan BN tanpa mengira akhirnya siapakah yang berkuasa di negara ini," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Manifesto BN Kelantan Datuk Mustapa Mohamed berkata BN akan menyediakan peruntukan sebanyak RM4 bilion pada peringkat awal untuk membangunkan dan melaksanakan kesemua projek infrastuktur yang digariskan dalam manifesto itu.

"Kita yakin jika menang Kelantan akan mendapat peratusan lebih tinggi dalam peruntukan Rancangan Malaysia Kelapan yang bermula pada 2001," katanya.

Mustapa yang juga Menteri Kewangan Kedua berkata manifesto itu meliputi program yang meluas apabila dirangka berdasarkan pandangan semua pihak termasuk rakyat, pegawai kerajaan, badan bukan Kerajaan, ahli akademik dan ahli perniagaan.

Katanya manifesto itu berteraskan kepada tujuh perkara asas iaitu menubuhkan universiti Al-Quran di Kelantan; mengurangkan beban rakyat di kampung; mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan; membela kepentingan guru-guru agama, alim ulama dan imam; menjaga kepentingan belia yang kini banyak berhijrah; mengangkat dan membela martabat wanita setelah diperlekehkan PAS; dan membangunkan infrastuktur bagi mewujudkan peluang

kerja.

"Tetapi yang terpenting ialah mengurangkan beban rakyat dan kedua mewujudkan peluang pekerjaan," katanya.

Yang turut hadir pada majlis pelancaran manifesto itu ialah Pengerusi BN Kelantan Datuk Annuar Musa, Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Ibrahim Ali, pemimpin parti-parti komponen BN dan calon-calon BN pada pilihan raya ini.

-- BERNAMA

RAR NMO